

# Takaful *my*Travel Partner

## *Perjalanan yang Selesa*



TAKAFULmalaysia

Kami Lindungi. Kami Prihatin. Kami Berkongsi.

Untuk percutian dan perjalanan yang bebas daripada kebimbangan, pilihlah **Takaful myTravel Partner.**

## Rakan Perjalanan Anda



### Pelindungan yang sempurna untuk anda

Kami memahami keperluan anda untuk mendapatkan perlindungan yang sesuai semasa anda berada di dalam perjalanan, sama ada untuk urusan rasmi atau percutian. Pelan perjalanan komprehensif kami menawarkan pelbagai pilihan untuk memberikan anda ketenangan fikiran.



### Demi kemudahan anda

Hanya beritahu kami ke mana anda akan pergi dan untuk berapa lama. Anda boleh menikmati ketenangan fikiran kerana semua keperluan perjalanan anda akan dipenuhi.



### Sentiasa di sisi anda


Sekiranya berlaku kecemasan semasa anda berada di luar negara, hubungi talian bantuan 24-jam kami untuk mengakses kepada pelbagai perkhidmatan bantuan perjalanan.

## Bagaimana anda menguruskan risiko perjalanan anda?

### Senario 1

Awan debu dari letusan gunung berapi melumpuhkan trafik udara di Eropah. Ahmad yang berada di London untuk menghadiri satu persidangan tidak dapat pulang ke Malaysia akibat pembatalan penerbangan.

Dia terpaksa menunggu selama 3 hari sebelum pulang ke Malaysia dan oleh kerana majikan Ahmad telah menyertai Takaful *myTravel Partner*, kos tambahan yang ditanggung akibat kejadian itu telah dilindungi di bawah pelan ini.



### Senario 2



Steven, seorang pengarah firma pemasaran, pergi ke Hong Kong bagi pihak syarikatnya. Ketika dia sedang berjalan, dia tersandung dan kepalanya terhentak pada jalan.

Keadaannya amat serius, dan dia menghabiskan masa selama beberapa minggu di sebuah hospital di Hong Kong sebelum kembali ke Malaysia selepas pulih daripada kecederaan yang dialaminya.

Memandangkan majikan Steven telah menyertai Takaful *myTravel Partner*, segala perbelanjaan perubatan dan kos penghantaran pulang telah dilindungi sepenuhnya di bawah pelan ini.

#### **Maklumat penting**


*Senario di atas adalah contoh-contoh situasi yang boleh dilindungi di bawah Takaful myTravel Partner. Contoh-contoh yang diberikan bukan penerangan tentang individu-individu yang sebenar dan perlindungan anda adalah bergantung kepada pelan yang anda sertai. Sila rujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat penuh di dalam sijil untuk butiran perlindungan anda.*



## Manfaat-manfaat yang penting di dalam perjalanan anda

**Tiada Lebih**

Seksyen	Manfaat-manfaat	Jumlah Perlindungan (RM)		
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
<b>(1)</b>	<b>Manfaat Kemalangan Diri</b>			
<b>A</b>	<b>Kematian Akibat Kemalangan</b> Bayaran sekali gus apabila berlaku kematian akibat kemalangan	300,000	200,000	100,000
<b>B</b>	<b>Keilatan Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan</b> Bayaran sekali gus apabila berlaku keilatan kekal menyeluruh akibat kemalangan	300,000	200,000	100,000
<b>C</b>	<b>Keilatan Kekal Akibat Kemalangan</b> Membayar pampasan selaras dengan skala indemniti	300,000	200,000	100,000
<b>D</b>	<b>Manfaat Badal Haji</b>  Membayar bayaran tunai tambahan ke atas kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan. Bagi orang Islam, ia akan dibayar sebagai manfaat badal haji	2,000	2,000	2,000
<b>E</b>	<b>Dana Pendidikan Anak</b> Membayar bayaran tunai tambahan jika orang yang dilindungi mempunyai anak-anak yang masih hidup apabila berlaku kematian akibat kemalangan	10,000	5,000	Tidak Berkenaan
<b>(2)</b>	<b>Manfaat Perubatan dan Manfaat Lain yang Berkaitan</b>			
<b>A</b>	<b>Perbelanjaan Perubatan Luar Negara</b> • Sehingga 70 tahun • 70 tahun dan ke atas Pembayaran balik untuk perbelanjaan (termasuk kos rawatan kecemasan pergigian) yang ditanggung akibat kemalangan atau penyakit	300,000 150,000	100,000 50,000	50,000 25,000
<b>B</b>	<b>Rawatan Susulan di Malaysia<sup>1</sup></b> • Sehingga 70 tahun • 70 tahun dan ke atas Pembayaran balik untuk rawatan susulan dalam tempoh 90 hari selepas pulang ke Malaysia	30,000 15,000	20,000 10,000	10,000 5,000
<b>C</b>	<b>Manfaat Lawatan Belas Kasihan<sup>1</sup></b> Pembayaran balik untuk perbelanjaan tambahan yang ditanggung untuk seorang yang diperlukan atas nasihat perubatan untuk menjaga dan menemani orang yang dilindungi akibat memasukkan ke hospital atau kematian	10,000	7,500	5,000

<sup>1</sup>Tertakluk kepada Had Perbelanjaan Perubatan Luar Negara di dalam (2A)

<b>D</b>	<b>Manfaat Penjagaan Anak<sup>1</sup></b> Pembayaran balik untuk perbelanjaan perjalanan yang ditanggung untuk seorang yang diperlukan bagi menjaga anak orang yang dilindungi ketika orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital	10,000	7,500	5,000
<b>E</b>	<b>Rawatan Perubatan Alternatif<sup>1</sup></b> Pembayaran balik untuk perbelanjaan yang ditanggung untuk rawatan perubatan oleh pengamal perubatan tradisional yang berdaftar	1,000	500	Tidak Berkenaan
<b>(3)</b>	<b>Elaun Hospital</b> Bayaran untuk setiap hari yang lengkap orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital sebagai tambahan kepada perbelanjaan perubatan yang dikenakan			
	<b>Setiap Hari</b>	350	250	150
	<b>Setiap Tahun</b>	10,500	5,000	3,000
<b>(4)</b>	<b>Manfaat Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Pulang</b>			
<b>A</b>	<b>Pemindahan Perubatan</b> Melindungi kos untuk pemindahan kecemasan dan rawatan perubatan untuk memindahkan orang yang dilindungi (dalam keadaan perubatan yang kritikal) ke hospital yang terdekat	Tanpa Had	Tanpa Had	Tanpa Had
<b>B</b>	<b>Penghantaran Pulang dengan Penyeliaan Perubatan</b> Melindungi kos untuk menghantar orang yang dilindungi pulang ke Malaysia untuk meneruskan rawatannya setelah keadaan perubatannya kembali stabil	Tanpa Had	Tanpa Had	Tanpa Had
<b>C</b>	<b>Penghantaran Pulang Jenazah</b> Melindungi kos untuk membawa jenazah pulang ke Malaysia atau kos pengebumian atau pembakaran mayat di tempat berlakunya kematian	Tanpa Had	Tanpa Had	Tanpa Had
<b>(5)</b>	<b>Elaun Ihsan </b> Pembayaran balik untuk kos pengebumian atau pembakaran mayat di Malaysia	7,500	5,000	2,500
	<b>Gangguan Perjalanan dan Manfaat Perjalanan Lain yang Berkaitan</b>			
<b>(6)</b>	<b>Kerosakan atau Kehilangan Bagasi &amp; Barangan Peribadi</b> Pembayaran balik untuk kerosakan atau kehilangan bagasi termasuk barangan yang dipakai atau dibawa (sehingga RM500 untuk sebarang satu barangan, sepasang atau satu set barangan)	7,500	5,000	Tidak Berkenaan
<b>(7)</b>	<b>Kehilangan Dokumen Perjalanan</b> Pembayaran balik untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan tambahan yang ditanggung termasuk kos untuk mendapatkan penggantian dokumen seperti pasport, tiket perjalanan dan visa	7,500	5,000	1,000
<b>(8)</b>	<b>Kehilangan Wang Peribadi</b> Pembayaran balik untuk kehilangan nota mata wang atau cek kembara akibat kecurian	1,500	1,000	500

<b>(9)</b>	<b>Kelewatan Bagasi</b> Pembayaran balik untuk setiap 6 jam yang lengkap dan berturut-turut (RM200 bagi setiap 6 jam) akibat kelewatan bagasi yang didaftar masuk	1,200	800	200
<b>(10)</b>	<b>Kelewatan Perjalanan</b> Pembayaran balik untuk setiap 6 jam yang lengkap dan berturut-turut (RM300 bagi setiap 6 jam) akibat kelewatan pengangkutan umum	3,000	1,200	600
<b>(11)</b>	<b>Pembatalan Perjalanan</b> Pembayaran balik untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan pra-bayar yang tidak boleh dikembalikan jika perjalanan dibatalkan sebelum berlepas dari Malaysia akibat sebab-sebab yang dilindungi	25,000	15,000	5,000
<b>(12)</b>	<b>Pemendekan Perjalanan</b> Pembayaran balik untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan pra-bayar yang tidak digunakan serta tidak boleh dikembalikan sekiranya berlaku pemendekan perjalanan dan orang yang dilindungi pulang terus ke Malaysia akibat sebab-sebab yang dilindungi	25,000	15,000	5,000
<b>(13)</b>	<b>Perjalanan Terlebih Tempah</b> Asalkan pengangkutan alternatif tidak disediakan, RM200 akan dibayar bagi setiap kelewatan 6 jam berturut-turut akibat pengangkutan umum (melalui udara sahaja) terlebih tempah	3,000	1,200	Tidak Berkenaan
<b>(14)</b>	<b>Perjalanan Salah Sambung</b> Membayar akibat salah sambung pengangkutan umum (melalui udara sahaja) dan pengangkutan alternatif tidak disediakan kepada orang yang dilindungi dalam tempoh 6 jam berturut-turut	200	100	Tidak Berkenaan
<b>(15)</b>	<b>Penghalaan Semula Perjalanan</b> Membayar jika ketibaan pengangkutan umum yang dijadualkan telah ditangguhkan sekurang-kurangnya 6 jam berturut-turut akibat penghalaan semula	200	100	Tidak Berkenaan
<b>(16)</b>	<b>Terlepas Perlepasan</b> Pembayaran balik untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan tambahan untuk pulang ke Malaysia akibat kerosakan mekanikal pengangkutan umum, semasa menghantar orang yang dilindungi ke tempat berlepas	2,000	1,000	Tidak Berkenaan
<b>(17)</b>	<b>Kehilangan Deposit Perjalanan akibat Insolvensi Ejen Pelancongan</b>  Pembayaran balik untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan pra-bayar yang tidak boleh dikembalikan sekiranya perjalanan dibatalkan sebelum berlepas dari Malaysia akibat insolvensi ejen pelancongan	5,000	3,000	Tidak Berkenaan
<b>(18)</b>	<b>Kehilangan Kad Kredit</b>  Pembayaran balik untuk penyalahgunaan kad kredit akibat kecurian	5,000	3,000	Tidak Berkenaan

(19)	<b>Perlindungan Lebih bagi Penyewaan Kereta</b>  Pembayaran balik untuk mana-mana lebihan/pemotongan di mana orang yang dilindungi bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan kereta sewa	1,000	500	Tidak Berkenaan
(20)	<b>Liabiliti Peribadi</b> Membayar pampasan kepada orang yang dilindungi untuk liabiliti undang-undang terhadap pihak ketiga atau kerosakan harta benda mereka	1,000,000	500,000	250,000
(21)	<b>Manfaat Perlindungan Rumah</b> Pembayaran balik untuk kandungan isi rumah akibat kecurian atau kebakaran apabila rumah orang yang dilindungi dibiarkan kosong semasa berada di dalam perjalanan	5,000	3,000	1,000
(22)	<b>Perlindungan Peralatan Golf</b>  Pembayaran balik untuk kehilangan atau kerosakan peralatan golf yang dimiliki oleh orang yang dilindungi yang berlaku di tempat awam (sehingga RM500 untuk sebarang satu barangan, sepasang atau satu set barangan)	5,000	2,000	Tidak Berkenaan
(23)	<b>Perkhidmatan Bantuan Perjalanan<sup>2</sup></b>	Termasuk	Termasuk	Termasuk

<sup>2</sup>Semata-mata atas dasar rujukan dan penyelarasan. Kesemua kos pihak ketiga yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan akan ditanggung oleh ahli.



## Pelan pakej eksklusif untuk anda - Tanpa GST

Kawasan Pelancongan	Sumbangan Tahunan (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
<b>Kawasan 1</b> Australia, Brunei, Kemboja, China, Hong Kong, Macau, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Maldives, Myanmar (Burma), New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.	240	200	185
<b>Kawasan 2</b> Eropah, Tibet, Nepal dan Mongolia dan negara-negara yang tersenarai di dalam Kawasan 1.	285	240	220
<b>Kawasan 3</b> Seluruh dunia dan negara-negara yang tersenarai di dalam Kawasan 1 dan 2 kecuali Malaysia, Afghanistan, Belarus, Cuba, Republik Demokratik Congo, Iran, Iraq, Israel, Liberia, Korea Utara, Somalia, Sudan, Syria dan Zimbabwe.	350	290	280

## Soalan-soalan Lazim

**S1: Siapakah yang layak memohon?**

**J1:** Semua rakyat Malaysia, pemastautin tetap Malaysia dan/atau pemegang pas pekerjaan dan/atau permit kerja Malaysia yang berlepas dari Malaysia untuk perjalanan atas urusan rasmi atau riadah.

**S2: Apakah tempoh maksimum perlindungan?**

**J2:** Pelan ini melindungi jumlah perjalanan tanpa had dalam setahun; tertakluk kepada maksimum sebanyak 100 hari berturut-turut bagi setiap perjalanan.

**S3: Apakah pengecualian-pengecualian di bawah pelan ini?**

**J3:** Diantara perkara-perkara yang tidak dilindungi adalah:

- Keadaan yang sedia ada;
- Perjalanan yang dibuat bertentangan dengan nasihat perubatan atau apabila tujuan perjalanan adalah untuk mendapatkan sebarang bentuk rawatan perubatan, rundingan atau khidmat nasihat;
- Sukan profesional atau berbahaya atau apa-apa jenis perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki.

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai pengecualian penuh bagi pelan ini.

**S4: Apa yang perlu saya buat sekiranya syarikat penerbangan menghilangkan bagasi saya?**

**J4:** Anda perlu mengemukakan laporan dengan syarikat penerbangan dan mendapatkan pampasan daripada mereka. Jika tiada pampasan yang diberikan oleh syarikat penerbangan, anda boleh memfailkan tuntutan anda dengan kami.

**S5: Siapakah yang perlu saya hubungi untuk bantuan kecemasan sekiranya saya memerlukan pemindahan kecemasan atau penghantaran pulang?**

**J5:** Sila hubungi talian bantuan *myTravel* Partner 24-jam di +603 - 2118 3323. Pembekal perkhidmatan kami akan membuat persiapan yang diperlukan untuk anda.

**S6: Bagaimanakah caranya untuk saya membuat tuntutan?**

**J6:** Sila maklumkan kepada Takaful Malaysia dengan serta-merta dan sediakan dokumen-dokumen tuntutan yang diperlukan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pulang ke Malaysia. Anda boleh muat turun borang tuntutan daripada laman web [www.takaful-malaysia.com.my](http://www.takaful-malaysia.com.my).



**Kami sentiasa bersama dengan anda**

Hubungi talian perkhidmatan kecemasan **24-jam** kami di  
**+603 - 2118 3323** untuk bantuan berikut:



Keperluan Visa, Pasport dan  
Inokulasi



Maklumat Penerbangan



Maklumat Cuaca Dunia dan  
Pertukaran Mata Wang Asing



Bantuan Kehilangan Bagasi  
dan Pasport



Perundingan Tele-Perubatan



Perkhidmatan Amaran  
Peristiwa Dunia



Perkhidmatan Kedutaan



Rujukan Kecemasan Penterjemah

## Nota Penting

- Ini adalah pelan kemalangan peribadi perjalanan tahunan yang melindungi jumlah perjalanan yang tidak terhad dalam satu tahun, tertakluk kepada maksimum 100 hari bagi setiap perjalanan.
- Anda hendaklah puas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
- Brosur ini menyediakan maklumat am sahaja. Ianya bukanlah sebahagian daripada kontrak Takaful. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaiian Penerangan Produk dan dokumen-dokumen sijil untuk maklumat yang lebih lanjut berkenaan pelan tersebut sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan ini. Takaful Malaysia dengan ini menafikan sebarang liabiliti dalam sebarang bentuk sekiranya anda mengalami kerugian akibat hanya bergantung kepada maklumat yang terkandung di sini.
- Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

# Kita Perlu Berbincang...

**Syarikat Takaful Malaysia Berhad** (131646-K)

Tingkat 26, Blok Annexe, Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Peti Surat 11483, 50746 Kuala Lumpur.

 1-300 88 252 385

 [takaful-malaysia.com.my](http://takaful-malaysia.com.my)

 [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my)

 Syarikat Takaful Malaysia Berhad

Syarikat Takaful Malaysia Berhad adalah sebuah syarikat berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.